

Headline	Bauran ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 May 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V26	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	769 cm ²
Journalist	SITI SALMIAH A HAMID	AdValue	RM 29,706
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,118



Bauran ALAM

Lakaran mesej flora dan fauna sebagai subjek di atas kanvas

Oleh Siti Salmiah A Hamid

salmiah@hmetro.com.my

Pengunjung pastinya terpesona dan membuang pandangan skeptikal sebaik saja menyaksikan pameran di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ).

Lakaran 25 pelukis di pameran Bauran Warna Alam itu membuktikan mereka mempunyai bakat besar hasil pembelajaran Program Pendidikan Seni dan Senireka, Fakulti Pen-

didikan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Lebih 60 karya dihasilkan namun hanya 30 dipertontonkan kepada umum manakala 10 keping terjual.

Penasihat Projek, Roslaili Anuar berkata, pameran itu dianggap permulaan penerokaan siswa selepas sesi lawatan dan pemerhatian ke atas alam

sekitar di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Taman Negara Pahang.

Kelangsungan itu membolehkan siswa melontarkan idea kreatif di atas kanvas menerusi medium akrilik dan cat minyak dengan harga serendah RM500.

Mesej yang cuba disampaikan jelas apabila menggunakan flora dan fauna sebagai subjek dengan

maksud agar masyarakat menghargai warisan alam.

Mainan warna menarik dipersembahkan dan tidak tertakluk kepada warna hijau semata yang sebatی dengan bauran alam. Manakala, corak serta tekstur sapuan warna melahirkan perasaan sebenar siswa yang mahu memperhatikan alam sekitar terhadap kepentingan ekosistem.

Info



BAURAN WARNA ALAM

Artis: 25 siswa daripada Program Pendidikan Seni dan Senireka, Fakulti Pendidikan.

Jumlah karya: 30
Lokasi: Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Shah Alam.

Tarikh: Sehingga 28 Mei 2015
Masa: 8.30 pagi hingga 5.30 petang
Telefon: 012-660 0475 (Pn Roslaili)
Web: artgallery.uitm.edu.my

Headline	Bauran ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 May 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V26	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	769 cm ²
Journalist	SITI SALMIAH A HAMID	AdValue	RM 29,706
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,118



HASIL karya Siti Mustika Zaini menerusi Sehijau Warna Daun.

PENGHUNI ALAM oleh Dewi Kartika Khuzaimah Razali.

KARYA Warna Alam hasil Misbah Awatif Abdul Talib.

KARYA Intan Faezah Jasmi dalam Temang.



PENSYARAH Fakulti Pendidikan, Dr. Siti Zuraida Maaruf (kanan) bersama Roslaili Anuar (kiri) diiringi ketua projek pameran, Mohamad Nizam Mohamad Helmi (tengah) serta siswa yang menyertai pameran seni ini.

AINI Mohd Nazri menerusi Hilang.

Headline	Bauran ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 May 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V26	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	769 cm ²
Journalist	SITI SALMIAH A HAMID	AdValue	RM 29,706
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,118

